

Vaksin denggi mampu kurangkan risiko

Oleh Sakina Mohamed

MEXICO telah meluluskan vaksin denggi pertama di dunia, *Dengvaxia*, pada 9 Disember lalu. Namun Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah memberitahu Bernama, Kementerian Kesihatan masih lagi mengkaji isu itu.

Antara keraguan yang timbul ialah kadar keberkesanan rendah vaksin itu terhadap DEN2, iaitu jenis virus yang paling kerap ditemui dalam kes-kes denggi di Malaysia.

Tindakan pihak berkuasa kesihatan Mexico itu menjadikan *Dengvaxia* vaksin pertama di dunia yang dilesenkan untuk mengelakkan jangkitan denggi.

Keputusan itu diambil Mexico setelah berpuas hati dengan keputusan fasa terakhir ujian vaksin itu di negara-negara Amerika Latin pada 2014.

Ia telah dijalankan ke atas 20,875 kanak-kanak berumur sembilan hingga 16 tahun di Brazil, Columbia, Honduras, Mexico dan Puerto Rico.

Dengvaxia dibangunkan oleh Pasteur, cawangan vaksin Sanofi, sebuah syarikat farmaseutikal Perancis.

Ia telah menjalankan kajian ke atas penyakit

tropika itu selama lebih 20 tahun dengan kos 1.5 billion euro (sekitar RM7 billion), termasuk kos pembuatan vaksin.

Pada 11 Julai, 2014, Sanofi mengumumkan dalam jurnal perubatan terkemuka *The Lancet* bahawa vaksin denggi yang dihasilkan telah melepasi fasa III ujian klinikal di Asia Tenggara.

Ujian fasa III adalah antara ujian terakhir bagi sesuatu ubat sebelum ia dapat diletakkan di pasaran.

Ujian klinikal yang dijalankan ke atas 10,275 kanak-kanak sihat berumur antara dua dan 14 tahun di Malaysia, Indonesia, Filipina, Thailand dan

Vietnam itu menunjukkan keberkesanan sebanyak 56.5 peratus bagi kumpulan yang divaksin berbanding dengan kumpulan kawalan, dalam pantauan aktif selama 25 bulan itu.

Data itu juga menunjukkan perlindungan lebih baik terhadap virus denggi jenis DEN3 dan 4 (75 peratus).

Bagaimanapun, seperti keputusan ujian klinikal di Amerika Latin, ia menunjukkan perlindungan yang kurang terhadap DEN1 (50 peratus) dan DEN2 (35 peratus).

Namun ujian klinikal di Asia Tenggara menunjukkan vaksin

itu 88 peratus berkesan mengelakkan denggi berdarah.

KERAGUAN DIKESALI

Pada awalnya, Kementerian Kesihatan mengumumkan vaksin denggi itu bakal disediakan di Malaysia pada pertengahan 2015.

"Vaksin itu akan diberikan percuma kepada orang ramai di Malaysia," kata Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya ketika itu.

Namun, pihak kementerian menarik balik keputusan itu beberapa bulan selepas itu, dengan menteri Datuk Seri Dr S.

Subramaniam mengatakan data kajian yang diberikan tidak cukup untuk penggunaan vaksin itu pada skala besar.

Pakar virologi terkemuka Prof Emeritus Dato Dr Tan Sri V. Mahalingam dinyatakan.

"Sebagai Pengerusi Pengasas Jawatankuasa Pemandu Vaksin hingga Pemvaksinan Denggi Asia Pasifik, ingin saya katakan bahawa kami telah mengawasi pembikinan vaksin ini secara dekat, di samping memastikan ia

berkesan, melindungi dan paling penting, selamat digunakan.

"Vaksin ini telah melalui ujian klinikal yang ketat membabitkan lebih 31,000 orang dari 10 negara," katanya.

"Setahu saya, tiada vaksin lain yang lebih diuji dengan teliti daripada vaksin ini.

"Keputusan ujian di Asia dan Amerika Latin juga telah disiarkan dalam jurnal saintifik paling terkemuka dan dikaji dengan teliti," katanya kepada Bernama.

Lam yang telah bekerja di bidang virologi denggi lebih 40 tahun telah mengikuti pembangunan *Dengvaxia* sejak awal lagi.

"Saya bersama WHO Geneva pada 1980-an sehingga dua tahun.

"Ketika itu, saya sebahagian daripada pasukan petugas untuk mengawasi pembangunan

vaksin denggi tetraavalen Mahidol di Thailand," kata beliau.

"Selepas 20 tahun, mereka mendapati ia tidak dapat digunakan.

"Sanofi Pasteur kemudian menyahut cabaran yang sama 20 tahun lalu menggunakan kaedah berlainan dan kini mereka berjaya mengeluarkan vaksin denggi pertama di dunia yang telah pun dilesenkan



PEMBANTU Penyelidik Entogena Industries Nadiyah Syafiqah Rani memaparkan baka perangkap nyamuk dan racun nyamuk Mosquito Rite Hook (sekarang padu bersatu) racun yang disertakan di dalam 'Home Kit' di Bangi, Selangor baru-baru ini. Perjanjian tiga pihak antara Universiti Kebangsaan Malaysia, Entogena Industries dan Inno Biologi Sdn Bhd merupakan kerjasama dalam menguruskan kampen komuniti bebas denggi. — Gambar Bernama

di Mexico," katanya.

Bernama sebelum ini telah bertanya kepada Noor Hisham sama ada kos yang tinggi menjadi penghalang vaksin itu digunakan di Malaysia.

Bagaimanapun, jawapan beliau ialah pihak kementerian masih mengkaji data yang ada dengan lebih mendalam.

Lam agak kecewa dengan untuk meseleskan vaksin denggi, namun kita tidak merebut peluang itu.

"Kadangkala, kita boleh jadi terlalu berhati-hati dan mengambil masa terlalu lama untuk mendebatkan kebaikan dan kelemahan sesuatu tindakan," keluh beliau.

KURANGKAN BEBAN

"Saya harap bukan kos yang menjadi penghalang kerana kalau Mexico boleh menjadikannya satu keutamaan negara, kenapa

tidak Malaysia?"

"Sekurang-kurangnya kita boleh menjadi negara pertama di Asia menggunakan vaksin ini," katanya.

Lam merumuskan daripada mesyuarat yang dihadapinya bersama para saintis lain dan wakil Kementerian Kesihatan, kebimbangan utama kakitangan kesihatan ialah cara menyampaikan kepada orang ramai bahawa keberkesanan keseluruhan bagi vaksin itu hanyalah 60 peratus.

"Ini bermaksud, 40 peratus daripada mereka yang disuntik vaksin masih berkemungkinan dijangkiti denggi.

"Namun vaksin itu akan memastikan jangkitan itu tidak akan melarat ke tahap serius yang boleh mengakibatkan kematian. Demam yang mereka dapat mungkin tahap lemah

sahaja," jelasnya.

Apapun, pastinya bukan mudah untuk kakitangan kesihatan menerangkan hal ini kepada ibu bapa yang anaknya dijangkiti denggi walaupun telah divaksin.

"Kita tidak boleh lupa, vaksin ini dapat mengurangkan kadar denggi berdarah 80 hingga 90 peratus, sekali gus mengurangkan kemasukan wad dan kematian.

"Ini juga bakal banyak menjimatkan perbelanjaan negara," katanya lagi.

Menurut WHO, sebanyak 390 juta kes dilaporkan setiap tahun di lebih 100 negara, berdarah.

Di Asia sahaja, kos tahunan merawat denggi adalah dalam US\$2 bilion (RM8.53 billion), tetapi ini belum lagi mengambil kira kos pengawalan vektor.

Kajian oleh Pusat Perubatan Universiti Malaysia dan Brandeis

University pada 2012 menunjukkan bebanan ekonomi akibat denggi kepada Malaysia dalam RM360 juta setahun.

Jumlah ini tentunya lebih tinggi lagi pada tahun-tahun selepasnya, memandangkan peningkatan mendadak kes denggi dan kos perubatan negara.

Lam mengingatkan manfaat vaksin denggi kepada kesihatan awam adalah besar walaupun keberkesanan dianggap rendah.

"Tiada vaksin sempurna di dunia, malah ada vaksin melawan penyakit berjangkit yang digunakan walaupun keberkesanan kurang 50 peratus.

"Adalah salah untuk mempercayai bahawa sesuatu vaksin itu perlu sempurna sebelum kita menimbang untuk menggunakannya," tegas beliau. — Bernama